

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)
NO. SOALAN : 310

YB TUAN CHONG CHIENG JEN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah sebabnya Kerajaan Indonesia menghalang pengimportan barang melalui Tebedu Inland Port di Sarawak dan apakah solusi yang dicadangkan untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada 15 Mei 2014, Kerajaan Indonesia telah mengenakan sekatan ke atas aktiviti import dan eksport melalui sempadan Tebedu, Sarawak dan Entikong, Indonesia dan mengisytiharkan bahawa Entikong bukan lagi pintu masuk antarabangsa yang diiktiraf oleh undang-undang negara tersebut. Langkah tersebut diambil atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Indonesia tidak mendaftarkan Entikong di bawah Kod Lokasi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perdagangan dan Pengangkutan (UN / LOCODE);

- (ii) Kastam Indonesia di Entikong tidak mempunyai kemudahan yang lengkap untuk menjalankan pemeriksaan kargo termasuk tiada kemudahan *dry port*;
- (iii) prosedur bagi import dan eksport di sempadan Entikong-Tebedu perlu diperketatkan atas sebab peningkatan kegiatan perdagangan haram; dan
- (iv) kesinambungan daripada pelaksanaan dasar dan langkah sekatan ke atas import barangan asas ke Indonesia sejak 2011, di mana hanya tujuh pelabuhan (tidak termasuk Entikong) dibenarkan untuk menerima barangan import dari Malaysia.

2. Sekatan ke atas aktiviti eksport Malaysia melalui sempadan Tebedu dipandang serius oleh Kerajaan dan telah dibangkitkan oleh Malaysia di peringkat Ketua Negara sewaktu Konsultasi Tahunan Malaysia-Indonesia ke-11 pada 1 Ogos 2016. Pada Konsultasi Tahunan tersebut, Indonesia telah memaklumkan bahawa penambahbaikan infrastruktur di Entikong akan dilakukan bagi membolehkan ianya berfungsi sebagai pintu masuk antarabangsa.

3. Komitmen di peringkat tertinggi Indonesia untuk menangani isu ini juga dapat dilihat melalui lawatan Presiden Indonesia ke Entikong pada Januari 2015, Januari 2016 dan Mac 2016. Adalah difahamkan bahawa Presiden Joko Widodo dijadualkan akan mengadakan lawatan ke Entikong pada bulan Disember 2016

bertujuan untuk memantau perkembangan terkini pembinaan kemudahan imigresen yang baharu serta menilai kemajuan kerja-kerja pembinaan.

4. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah berusaha untuk mencari penyelesaian kepada isu ini melalui:

- (i) Lawatan Kerja YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke Tebedu, Sarawak, Entikong, Indonesia dan Pontianak, Indonesia pada 14 dan 15 April 2015 untuk bertemu sendiri dengan perusahaan-perusahaan yang terjejas akibat sekatan perdagangan antarabangsa di Entikong. YB Menteri juga telah bertemu dengan Gabenor Kalimantan Barat bagi mendapatkan pendapat beliau mengenai perkara ini; dan
- (ii) membangkitkan isu ini sewaktu pertemuan dua hala di antara YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan Menteri-menteri Kabinet Indonesia termasuk sewaktu Mesyuarat Jawatankuasa Perdagangan dan Pelaburan Malaysia-Indonesia pada 30 Jun 2016.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Pada masa ini, hanya perdagangan persempadanan (*border trade*) masih dibenarkan berjalan seperti biasa di kawasan Tebedu-Entikong. Selain itu, sejak pertengahan tahun 2015, pihak

berkuasa Indonesia juga hanya membenarkan kenderaan kecil seperti model Toyota Avanza atau kereta sedan untuk memasuki Tebedu *Inland Port* dan telah menghadkan bilangan kenderaan kepada 160 buah setiap hari.

6. Sebelum sekatan dikenakan ke atas Entikong, sekitar tahun 2013, nilai dagangan melalui sempadan di antara Sarawak dan Kalimantan Barat pernah mencapai sebanyak RM713 juta. Walau bagaimanapun, nilai perdagangan telah jatuh secara mendadak kepada RM130 juta pada tahun 2015.

7. Maklum balas yang diterima daripada pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli perniagaan dari Pontianak dan Kalimantan Barat juga secara umumnya menyokong agar aktiviti perdagangan di Tebedu-Entikong dibuka semula. Perniagaan sektor swasta di Kalimantan Barat telah turut sama terjejas disebabkan oleh penutupan Entikong dan mereka mengharapkan agar aktiviti perdagangan dapat dijalankan seperti sedia kala.

8. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan memantau perkembangan isu ini dari semasa ke semasa.